

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta PERDANA MENTERI menyatakan kegunaan dan penerima peruntukan khas YAB PM 2014 untuk kawasan Parlimen Kulai, nyatakan jumlah yang diterima oleh setiap penerima atau projek.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2014, sebanyak RM2.17 juta telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Kulai, Johor untuk membiayai 31 projek/program. Pecahan peruntukan yang diluluskan tersebut mengikut kategori adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan berjumlah RM1.85 juta untuk melaksanakan 14 projek fizikal. Sehingga kini, sebanyak RM0.63 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan yang disediakan berkenaan. Projek fizikal yang dilaksanakan adalah membina, menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur awam/asas yang terdiri antaranya penurapan jalan, gelanggang sukan, masjid/surau, bangunan pengajian agama dan krematorium di kawasan Parlimen berkenaan;
- (ii) peruntukan berjumlah RM0.29 juta yang diluluskan untuk pemberian 15 sumbangan kewangan kepada pelbagai pertubuhan bagi menjalankan program-program sosial kemasyarakatan, sukan dan menampung sebahagian kos kerja-kerja mengubahsuai dewan serbaguna; dan
- (iii) peruntukan sebanyak RM25 ribu telah diluluskan untuk dua (2) perbekalan yang disalurkan bagi membiayai peralatan pejabat persatuan dan peralatan masjid.

Sekian. Terima kasih.